



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



BENGKEL PENERBITAN JURNAL BERINDEKS UMS – UKM (RCRP)

YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/Puan,

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah program *Regional Collaboration in Research and Publications* (RCRP) akan menganjurkan Bengkel Penerbitan Jurnal Berindeks UMS – UKM (RCRP) pada ketetapan berikut:

Tarikh : 16hb – 17hb April 2019
Tempat : UMS (Akan dimaklumkan kemudian)

3. Bengkel ini terbuka kepada:

- i. Kakitangan akademik yang telah menjalankan penyelidikan kolaborasi bersama UKM dan mempunyai manuskrip yang telah dihantar ke jurnal tertentu tetapi ditolak atau perlu penambahbaikan besar/minima atau telah ada manuskrip yang akan diterbitkan dalam jurnal tertentu;
atau
- ii. Kakitangan akademik yang mempunyai manuskrip yang telah dihantar ke jurnal tertentu tetapi telah ditolak atau perlu penambahbaikan besar/minima;
atau
- iii. Kakitangan akademik yang mempunyai manuskrip yang akan diterbitkan dalam jurnal yang telah dikenalpasti.

4. Bengkel ini bertujuan untuk membantu kakitangan akademik dalam memperbaiki manuskrip masing-masing sehingga diterima untuk diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus/ WOS/ ERA. Dimaklumkan bahawa yuran penerbitan akan ditanggung sepenuhnya oleh UKM dan hasil penerbitan tersebut adalah atas nama UMS dan UKM sebagai *affiliation*.

5. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan akademik adalah dipelawa untuk menyertai bengkel tersebut dengan mengemukakan dokumen serta maklumat seperti berikut:

- i. **Salinan manuskrip (format *Microsoft Word*);**
- ii. **Status manuskrip (merujuk kepada perkara 3);**
- iii. **Nama jurnal yang telah dikenalpasti.**

6. Semua permohonan perlu dikemukakan **sebelum atau pada 5 April 2019 (Jumaat)** melalui e-mel kepada **Pn. Audrey Rose Andrew (E-mel: audrey.rose@ums.edu.my)**. Manuskrip yang diterima akan dihantar kepada pihak UKM bagi penentuan Pensyarah dari bidang kepakaran yang sama untuk membantu dalam bengkel tersebut.

7. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon berhubung dengan **Pn. Audrey Rose Andrew (No. samb.: 613809)**.

Sekian, terima kasih.